

STANDARD MINIMUM KEBERTANGGUNGJAWABAN UNTUK LEMBU TENUSU

Standard Minimum Kebertanggungjawaban untuk Lembu Tenusu seperti yang dilampirkan merangkumi keperluan kebajikan utama khusus kepada lembu yang ditenak untuk pengeluaran tenusu. Prinsip Standard Minimum Kebertanggungjawaban hendaklah dibaca bersama dengan Standard Minimum Kebertanggungjawaban untuk Lembu Tenusu kerana Prinsip tersebut memperincikan secara menyeluruh keperluan yang dilaksanakan pada semua haiwan ternakan.

Tentang Inisiatif FARMS dan Standard Minimum Kebertanggungjawaban

Matlamat Inisiatif Standard Minimum Kebertanggungjawaban Haiwan Ternakan (FARMS) adalah supaya institusi kewangan menggalakkan dan menyokong pengeluar daging, susu dan telur, dan syarikat-syarikat lain dalam rantaian bekalan bagi memenuhi Standard Minimum Kebertanggungjawaban yang berkaitan dengan cara penjagaan, pemindahan dan sembelihan haiwan ternakan. Inisiatif FARMS diasaskan oleh sebuah organisasi perlindungan haiwan sedunia. Standard Minimum Kebertanggungjawaban berasaskan prinsip-prinsip sejumlah rangka kerja sedunia dan mencerminkan input daripada pelbagai organisasi perlindungan haiwan dan organisasi pensijilan kebajikan haiwan.

STANDARD MINIMUM KEBERTANGGUNGJAWABAN UNTUK LEMBU TENUSU

Risiko Kebajikan 1: Keterbatasan Ruang

Standard Pengurangan 1:

- 1.1 Penambatan tidak dibenarkan.
- 1.2 Sistem kandang dengan lembu diikat tidak boleh digunakan.
- 1.3 Kubikel lembu mesti cukup panjang untuk mengelakkan lembu berbaring atau berdiri dengan kaki belakangnya berada di lorong dan cukup lebar agar lembu bangkit dan berbaring tanpa berlanggar dengan kubikel tersebut.
- 1.4 Lima peratus kubikel boleh digunakan berbanding saiz lembu mesti disediakan.
- 1.5 Anak lembu tidak boleh diletak di dalam peti atau kandang individu.
- 1.6 Anak lembu boleh ditempatkan secara berpasangan sehingga berumur 8 minggu, tetapi kemudian mesti ditempatkan secara berkumpulan.

Risiko Kebajikan 2: Persekitaran Tandus dan Tidak Sesuai

Standard Pengurangan 2:

- 2.1 Lembu tenusu mesti dipelihara di luar iaitu di padang ragut yang sesuai semasa musim rumput panjang kecuali apabila keadaan cuaca menjejaskan keselesaan lembu.
- 2.2 Di dalam kandang, lembu tenusu (betina) dan anak lembu mesti disediakan dengan permukaan berbaring yang selesa seperti jerami atau pasir.
- 2.3 Lantai tidak boleh kasar atau terlalu licin; supaya tidak tergelincir.

Risiko Kebajikan 3: Diet Yang Tidak Sesuai

Standard Pengurangan 3:

- 3.1 Makanan lembu tenusu tidak boleh mengandungi lebih daripada 40% bijirin.
- 3.2 Sekurang-kurangnya 4.5 liter (atau 10% daripada berat badan, mana yang lebih besar) kolostrum berkualiti baik (50 mg/ml imunoglobulin) mesti disediakan untuk anak lembu dalam 6 jam pertama selepas beranak, termasuk yang dipersiapkan bagi pengangkutan, eutanasia atau penyembelihan.

- 3.3 Semua anak lembu yang tidak disusui mesti menerima makanan cair setiap hari sekurang-kurangnya selama 8 minggu pertama kehidupan. Makanan berserat mesti disediakan untuk setiap anak lembu yang berumur lebih dari 2 minggu dan mesti mendapat makanan berzat besi yang mencukupi untuk mengekalkan paras hemoglobin darah sekurang-kurangnya 9 g/desiliter.

Risiko Kebajikan 4: Tatacara Menyakitkan

Standard Pengurangan 4:

- 4.1 Pemetongan ekor tidak dibenarkan.
- 4.2 Pemilihan lembu dogol (lembu tak bertanduk) sememangnya lebih baik daripada mematikan pertumbuhan tanduk.
- 4.3 Pemetongan tanduk adalah tidak dibenarkan.
- 4.4 Anestesia dan analgesia yang berpanjangan mesti selalu digunakan semasa pembuangan tanduk, yang mesti dilakukan pada usia awal (pada usia tiga minggu).
- 4.5 Nyalaan ambing, amalan yang melibatkan melalukan nyalaan api di bawah lembu tenusu untuk melayur bulu dari ambingnya, adalah tidak dibenarkan.

Risiko Kebajikan 5: Pembiakbakaan dan Genetik

Standard Pengurangan 5:

- 5.1 Lembu tenusu tidak boleh dibiakkan untuk menghasilkan susu yang berlebihan dan hendaklah disesuaikan dengan iklim tempatan, pemakanan dan keadaan penyakit.

Risiko Kebajikan 6: Ketempangan dan Mastitis

Standard Pengurangan 6:

- 6.1 Program pengurusan yang berkesan mesti dilaksanakan untuk mengurangkan mastitis dan ketempangan.
- 6.2 Kelaziman ketempangan hendaklah kekal di bawah 10%.
- 6.3 Kejadian mastitis hendaklah kekal di bawah 25 kes setiap 100 ekor lembu setiap tahun.

Risiko Kebajikan 7: Pengangkutan

Standard Pengurangan 7:

- 7.1 Masa pengangkutan darat mesti dihadkan kepada maksimum 8 jam.
- 7.2 Lembu dan anak lembu tenusu yang diangkut melalui laut mesti ditemani oleh doktor haiwan dan mesti sampai ke tempat tujuan dalam masa 24 jam.
- 7.3 Umumnya lembu tenusu takai adalah haiwan yang rentan dan mesti sesuai untuk perjalanan dan ditangani dengan berhati-hati.
- 7.4 Lembu dan anak lembu tenusu yang tidak dapat bergerak tidak boleh diangkut, kecuali kepada doktor haiwan untuk mendapatkan rawatan.
- 7.5 Lembu dan anak lembu tenusu yang tidak dapat bergerak tidak boleh diseret dengan anggota badan, kepala atau ekornya dan hanya boleh dipindahkan jika ditarik menggunakan alat pemindahan khas seperti kereta geluncur.
- 7.6 Kaedah pengendalian tekanan rendah mestilah digunakan tetapi penujah elektrik tidak dibenarkan.

Risiko Kebajikan 8: Penyembelihan

Standard Pengurangan 8:

- 8.1 Kemudahan untuk menangani dan menyekat lembu dan anak lembu tenusu mesti mengambil kira ukuran dan usia haiwan dan dirancang, dibina dan dikekalkan untuk mengurangkan tekanan dan risiko kecederaan.
- 8.2 Lembu dan anak lembu tenusu mesti dipengsankan sebelum disembelih dengan menggunakan kaedah yang tidak menyeksakan. Kaedah ini mengakibatkan lembu pengsan serta-merta yang berpanjangan sehingga mati.
- 8.3 Tidak boleh melumpuhkan secara elektrik, menghumban atau memutarakan lembu atau anak lembu tenusu.

Risiko Kebajikan 9: Pematuhan dan Ketelusan

Standard Pengurangan 9:

- 9.1 Menunjukkan pematuhan standard seperti di atas melalui pengauditan pihak ketiga secara tahunan dan pelaporan awam tahunan tentang perkembangan terhadap komitmen ini.